

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9379**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan balai polis yang ditutup pintu pada waktu malam dan sejak bila penutupan pintu dimulakan serta apakah kesannya kepada masyarakat.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah mengeluarkan arahan untuk menutup pintu pagar di Balai-balai Polis dan hanya memberikan arahan mengetatkan kawalan di waktu malam. Semua Balai-balai Polis dibuka sepanjang tahun dan beroperasi selama 24 jam.**

**Berkemungkinan besar apa yang dimaksudkan ini adalah merujuk kepada Pondok-pondok Polis atau Pengkalan Bit (*Beat Bases*). Sememangnya bagi Pondok-pondok Polis atau Pengkalan Bit yang didirikan di kawasan tertentu hanya beroperasi dalam waktu-waktu yang terhad sahaja. Namun demikian, jika terdapat kes kecemasan, orang awam boleh meminta bantuan daripada anggota pondok yang tinggal dalam kawasan pondok berkenaan.**

**Jika sebenarnya apa yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Balai Polis, pengaduan boleh dibuat kepada Ketua Polis Daerah di mana balai tersebut berada atau melapor terus ke Bukit Aman.**